

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/09/26\_47 (HQ)

### TNB MENJANGKA PENGURANGAN KEPADA AKAUN BELUM TERIMA ICPT DENGAN PENURUNAN HARGA ARANG BATU, LANTAS MENGUKUH ALIRAN TUNAI DAN TAHP PENGGEARAN

- Harga sederhana arang batu mengukuhkan aliran tunai TNB dan tahap penggearan
- Mekanisme ICPT kekal utuh; perolehi sepenuhnya RM10.4 bilion kos ICPT untuk 1H2023

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** dijangka mengalami trend positif pengurangan dalam terimaan Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT), berikutan harga sederhana arang batu. Perkembangan ini secara ketara mengukuhkan modal kerja TNB, sekali gus meningkatkan aliran tunai dan memperbaiki tahap penggearan pada 2023, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din.

#### **Harga arang batu yang sederhana mengukuhkan kedudukan aliran tunai TNB dan tahap penggearan**

Pengurangan harga arang batu global, digabungkan dengan pendekatan proaktif TNB untuk meningkatkan kutipan hasil, telah meletakkan prospek aliran tunai lebih baik kepada syarikat. Ini disokong oleh pinjaman RM6 bilion yang dijamin kerajaan untuk menstabilkan industri tenaga. Faktor-faktor ini secara kolektif menyumbang kepada pengukuhan aliran tunai TNB dan tahap penggearan TNB pada separuh pertama 2023 (1H2023).

"Pengurusan berhemah kewangan TNB ini membolehkan syarikat memberi ganjaran kepada pemegang saham kami dengan dividen interim sebanyak 18 sen, yang merangkumi 49.4% daripada Pelarasan Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI)," kata Baharin pada taklimat kepada penganalisis mengenai keputusan kewangan suku kedua Kumpulan.

#### **Mekanismen ICPT kekal teguh; terimaan RM10.4 bilion Kos ICPT pada 1H 2023 diperolehi sepenuhnya**

Penambahbaikan dalam akaun ICPT digariskan oleh pemulihan kos ICPT sebanyak RM10.4 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun 2023. Ini menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan terhadap rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) dan mekanisme ICPT untuk 18 kitaran sejak 2015. Tambahan pula, syarikat dijangka akan memperolehi semula RM4.7 bilion kos ICPT daripada Kerajaan pada separuh kedua tahun ini.

#### **Tinjauan ICPT**

Berdasarkan arah aliran harga bahan api semasa, TNB menganggarkan pemulihan kira-kira RM 7.0 bilion daripada ICPT bagi separuh pertama tahun kewangan 2024. Perspektif masa

S.A. 2023/09/26\_47 (HQ)

hadapan ini mencerminkan pendekatan proaktif TNB dalam mengurus prospek kewangannya dan mengawal perbelanjaan berkaitan bahan api.

### **Prestasi terpuji walaupun berdepan cabaran**

Baharin turut mengulas prestasi TNB pada separuh pertama tahun berakhir 30 Jun 2023. Walaupun menghadapi cabaran yang berpunca margin negatif bahan api negatif dan turun naik pertukaran asing, TNB melaporkan prestasi membanggakan dalam persekitaran yang mendesak ini. Dalam tempoh itu, TNB melaporkan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM1.20 bilion, manakala hasil menyaksikan peningkatan 3.8 peratus kepada RM25.95 bilion, berbanding tempoh yang sama pada 2022.

Keupayaan TNB untuk mengharungi keadaan mencabar sebegini dan mencatat pencapaian kewangan sedemikian penting, menonjolkan daya tahan dan wawasan strategiknya dalam sektor tenaga.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 September 2023, jam 12:00 tengah hari**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din